



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BIL. 1/2022**

---

**PENETAPAN KAEDAH PEMBERIAN DISKAUN PREMIUM BAGI  
PEMBANGUNAN TANAH**

**1. Tujuan**

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penetapan kaedah pemberian diskaun bagi **pembangunan tanah**.

**2. Latar Belakang**

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 19 Januari 2022 telah mengambil keputusan bersetuju insentif diskaun bayaran premium pembangunan tanah dilanjutkan bermula **1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022**.

**3. Pelaksanaan**

- 3.1. Pemberian diskaun ini hanya untuk **pembangunan tanah** sahaja.
- 3.2. **Diberikan** diskaun premium **pembangunan tanah** sebanyak **25%** kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh **30 hari** dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah.
- 3.3. **Diberikan** diskaun premium **pembangunan tanah** sebanyak **15%** kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh **60 hari** dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah.

- 3.4. Bayaran ini perlulah dibuat dalam tempoh keistimewaan yang dinyatakan dan diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah atau Timbalan Pentadbir Tanah Daerah. Bayaran secara *postdated cheque* yang melangkaui tempoh keistimewaan ini adalah tidak sah dan tidak layak menikmati keistimewaan ini;
- 3.5. Pemberian diskaun premium pembangunan tanah tidak terpakai kepada pemohon yang telah diluluskan rayuan pengurangan premium oleh MMKNS dalam permohonan yang terdahulu bagi projek / fail yang sama; dan
- 3.6. Pemohon yang **gagal membuat bayaran dalam tempoh setahun** dari tarikh menerima Notis 5A atau Notis 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah, Pentadbir Tanah Daerah diminta untuk mendapatkan nilai semula **kadar premium yang baharu** daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Sembilan.

#### 4. Tarikh Kuatkuasa

- 4.1. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



( DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS )

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 28 Januari 2022  
Rujukan : Bil (51) dlm. PTGNS.10/17 klt.3